



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERANAN DAN PENGLIBATAN WANITA DALAM REJIMEN KE-10 PARTI KOMUNIS MALAYA, 1949- 1989.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MUNALIZA BINTI ZAILAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2013



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERANAN DAN PENGLIBATAN WANITA DALAM REJIMEN KE-10 PARTI KOMUNIS MALAYA, 1949- 1989.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESISINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA
SASTERA (SEJARAH MALAYSIA)

PROGRAM SEJARAH
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2013



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
2

PENGAKUAN

Saya akui bahawa penulisan ini ialah hasil kerja saya sendiri, kecuali ringkasan-ringkasan dan gambar-gambar yang dipetik daripada buku-buku tulisan bekas Rejimen Ke-10 dan sumber daripada Jabatan Arkib Negara Malaysia.

18 Ogos 2013

Tandatangan
Munaliza binti Zailan
M20101000310



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Ingatan Tulus Ikhlas

Bismillahirrahmanirrahim.

Terlebih dahulu dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan kurnia dan hidayat-Nya, maka penulisan tesis yang bertajuk Peranan dan Penglibatan Wanita dalam Rejimen Ke-10 Parti Komunis Malaya, 1949-1989 dapat diselesaikan. Penghargaan yang tidak terhingga untuk Dr Khairi Bin Ariffin selaku Penyelia. Tunjuk ajar, nasihat, dan ilmu yang tuan curahkan amat tinggi nilainya dan bermakna bagi penulisan saya ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Jabatan Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Kementerian Dalam Negeri. Ucapan terima kasih juga kepada dekan, para pensyarah dan kaki tangan Universiti Pendidikan Sultan Idris atas segala khidmat dan sokongan yang diberikan kepada saya.



Tidak lupa si kepada rakan-rakan yang sama-sama mengejar impian untuk berjaya dan yang sentiasa mengambil berat akan perkembangan tesis ini serta rakan-rakan yang sentiasa membantu. Diucapkan jutaan terima kasih buat suami ku Nor Sehan bin Osman dan zuriat ku Danish, Daniel, Darish dan ibu ku Bitah binti Haji Kasim serta adik-adik ku Tajul Muraz, Mohd Fairus dan Norzira Muntaz jutaan terima kasih atas kasih sayang, perhatian, bantuan dan sokongan yang diberikan. Saya amat menghargai segala-galanya kerana tanpa kalian saya tidak akan berjaya menyiapkan tesis ini.

Diharapkan penulisan ini dapat memberi pengetahuan khususnya kepada generasi muda mengenai peranan dan penglibatan wanita Melayu dalam Rejimen Ke-10 Parti Komunis Malaya. Penulis juga berharap masyarakat dapat memberi satu tanggapan yang tepat kepada tindakan mereka menyertai PKM. Ini kerana rata-rata mengatakan mereka menyertai PKM adalah disebabkan oleh British. Sebenarnya apa yang pasti golongan wanita ini terlibat dengan Rejimen Ke-10 dalam satu jangka masa yang panjang. Akhir kata tesis ini banyak memberi manfaat yang berguna kepada saya dalam menimba ilmu pengetahuan di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Saya juga, berjaya mencungkil peranan-peranan yang dimainkan oleh golongan wanita dalam Rejimen Ke-10.

Tulus Ikhlas,

(Munaliza Zailan)





ABSTRAK

Penyelidikan ini adalah untuk menyelidik penglibatan dan peranan golongan wanita dalam perjuangan Rejimen Ke-10 Parti Komunis Malaya dari tahun 1949 hingga tahun 1989. Tempoh masa empat puluh tahun ini memperlihatkan keaktifan mereka dalam segala aktiviti Rejimen Ke-10. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan memberi penekanan terhadap analisis dokumen di Jabatan Arkib Negara Malaysia, perpustakaan pusat-pusat pengajian tinggi, dan di perpustakaan Kementerian Dalam Negeri. Selain itu, temu ramah juga dijalankan dengan bekas-bekas kader Rejimen Ke-10 yang masih hidup kerana mereka adalah saksi yang terlibat secara langsung dalam perjuangan Rejimen Ke-10. Dapatan kajian membuktikan dan menunjukkan bahawa wanita memainkan peranan yang amat penting dalam perjuangan Rejimen Ke-10 dalam membantu pasukan mereka bagi mencapai matlamat perjuangan. Kajian ini juga amat jelas menunjukkan bahawa wanita dalam Rejimen Ke-10 memberi sumbangan yang amat penting dan boleh dianggap sebagai tulang belakang pasukan. Dapat disimpulkan bahawa peranan dan penglibatan wanita dalam Rejimen Ke-10 memberi impak dan kesan yang amat penting dalam sanubari wanita yang terlibat serta sangat bermakna bagi mereka sehingga hari ini.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
5

ABSTRACT

INVOLVEMENT AND ROLE OF WOMEN IN THE STRUGGLE OF THE 10TH REGIMENT OF THE MALAYAN COMMUNIST PARTY FROM 1949 TO 1989



This research was conducted to study the involvement and role of women in the struggle of the 10th Regiment of the Malayan Communist Party from 1949 to 1989. A period of forty years has demonstrated full of activities of 10th Regiment. The study was carried-out qualitatively, emphasizing on the analysis of documents from the National Archive Department, libraries of institute of higher learning and the library of the Ministry of Home Affairs. In addition, interviews were also conducted with former 10th Regiment cadres who are still alive as witnesses who were directly involved in the struggle of the 10th Regiment. The findings proved and shown that women played very important role in the 10th Regiment struggle to help their team to achieve their common goals. This study clearly found that contribution of women in the 10th Regiment were very important and can be considered as the backbone to the team. It can be concluded that the role and involvement of women in the 10th Regiment has high impact in the minds of women involved and very meaningful for them until today.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
6

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
SENARAI GAMBAR	xii

KANDUNGAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1 PENGENALAN

1.1	LATAR BELAKANG KAJIAN	1
1.2	PERMASALAHAN KAJIAN	6
1.3	KEPENTINGAN KAJIAN	7
1.4	TUJUAN KAJIAN	8
1.5	OBJEKTIF KAJIAN	8
1.6	PERSOALAN KAJIAN	9
1.7	METODOLOGI KAJIAN	10
1.8	PEMBAHAGIAN BAB	13
1.9	BATASAN KAJIAN	15
1.10	HIPOTESIS	16
1.11	KAJIAN LAMPAU	16



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
7

1.12	DEFINISI ISTILAH	27
1.13	KESIMPULAN	28

BAB 2 KEMUNCULAN IDEOLOGI KOMUNIS DAN PERKEMBANGANNYA DI MALAYSIA

2.0	PENDAHULUAN	33
2.1	SEJARAH PARTI KOMUNIS MALAYA	34
2.2	PENGLIBATAN PENDUDUK TANAH MELAYU	35
2.3	SAMBUTAN PENDUDUK TERHADAP PKM	41
2.4	KESIMPULAN	61

BAB 3 PENUBUHAN REJIMEN KE-10

3.0	PENDAHULUAN	68
3.1	SEJARAH PENUBUHAN REJIMEN KE-10	69
3.2	HALATUJU REJIMEN KE-10	74
3.3	KESIMPULAN	88



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

8

BAB 4 PENGARUH DAN INSPIRASI IDEOLOGI KOMUNIS DALAM KALANGAN WANITA

4.0	PENDAHULUAN	96
4.1	WANITA DALAM MASYARAKAT	97
4.2	LATAR BELAKANG WANITA MELAYU	98
4.3	CARA DAN PENYERTAAN WANITA	
4.3.1	Kemahuan Sendiri	100
4.3.2	Propaganda	106
4.3.3	Dasar Parti Komunis Malaya	108
4.3.4	Tindakan British	112
4.5	KESIMPULAN	115



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

108

BAB 5 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB WANITA DALAM REJIMEN KE-10

5.0	PENDAHULUAN	120
5.1	WANITA REJIMEN KE-10	121
5.2	PERANAN WANITA DALAM REJIMEN KE-10	122



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

8



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
9

5.2.1 Gerila	122
5.2.2 Penyusun Massa	124
5.2.3 Penyebar Propaganda	125
5.2.4 Pengurus Barang	127
5.2.5 Pemasang Perangkap	129
5.2.6 Penutup Jalan	131
5.2.7 Pengawal Pos	132
5.2.8 Unit Semboyan	132
5.2.9 Kader Min Yuen	133
5.2.10 Utusan	135
5.2.11 Pengintip	136
5.2.12 Pelaksana Program	137
5.2.13 Penceramah	139
5.2.14 Pengamal Perubatan	139
5.2.15 Pekebun	143
5.2.16 Duta Atau Persidangan	148
5.2.17 Pengajar	151
5.2.18 Penulis	155
5.2.19 Kaunselor	156
5.2.20 Bidang Kesenian	157
5.2.21 Tukang Jahit	159
5.3 KESIMPULAN	161



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
139

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
10

BAB 6 IMPAK DAN IMPLIKASI PENGLIBATAN WANITA DALAM REJIMEN KE-10

6.0	PENDAHULUAN	166
6.1	Impak dan Implikasi	168
6.1.1	Keruntuhan Keluarga	168
6.1.2	Berpisah Dengan Ahli Keluarga	170
6.1.3	Tanggapan Negatif Masyarakat	171
6.1.5	Ancaman Nyawa	174



05-4506832



6.2 pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
177

6.3	PENGHARGAAN DAN SIJIL	182
6.4	KESIMPULAN	182

BAB 7 KESIMPULAN

SENARAI RUJUKAN	190
LAMPIRAN	208
GAMBAR	217



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
11

SENARAI SINGKATAN

AMCJA	<i>All Malayan Council of Joint Action</i>
API	Angkatan Pemuda Insaf
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BMA	<i>British Military Administration</i>
DCCUM	Dewan <i>Central Committees</i> Utara Malaya
GERAM	Gerakan Rakyat Malaya
KDN	Kementerian Dalam Negeri
MCA	<i>Malayan Chinese Association</i>
MIC	<i>Malayan Indian Congress</i>
LPNM	Liga Pembebasan Nasional Malaya
MPAJA	<i>Malayan People Anti-Japanese Army</i>
MPAJU	<i>Malayan People Anti- Japanese Union</i>
PAPERI	Parti Persaudaraan Islam Malaya
PETA	Pembela Tanah Air
PKC	Parti Komunis China
PKI	Parti Komunis Indonesia
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Pertubuhan Kesatuan Melayu Muda
PKN	Parti Komunis Nanyang
PKS	Parti Komunis Sarawak
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
TPNM	Tentera Pembebasan Nasional Malaya.
UMNO	<i>United Malaya National Organization</i>
MNDYL	<i>Malayan New-Democratic Youth</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
12

ISA

Internal Security Act

JKM

Jabatan Kerja Melayu



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
13

SENARAI LAMPIRAN

1. Lampiran 1

Peta Daerah Temerloh dan Mukim Sanggang sumber Jabatan Arkib Negara Malaysia.

2. Lampiran 2

Report 469/50 sumber Jabatan Arkib Negara Malaysia.

3. Lampiran 3

Penempatan Bekas Rejimen Ke-10 di Malaysia dan Selatan Thailand dipetik daripada penulisan Salleh Lamry.

4. Lampiran 4

PKM Statistik Serangan Rejimen Ke-10 sumber Jabatan Arkib Negara Malaysia dan Peta *Long March* dipetik daripada penulisan Abdullah C.D.

5. Lampiran 5

Statistik Darurat (1948-1960) dan Statistik Kebangkitan Semula sumber Jabatan Arkib Negara Malaysia.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

6. Lampiran 6

Peta Perjalanan Pasukan Rejimen Ke-10 sumber penulisan Abdullah C.D.

7. Lampiran 7

Report of the Semenyih sumber Jabatan Arkib Negara Malaysia.

8. Lampiran 8

Baling Talks sumber Jabatan Arkib Negara Malaysia.

9. Lampiran 9

Sijil penghargaan dipetik daripada penulisan Abdullah C.D.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
14

SENARAI GAMBAR

1. Zamni bertugas sebagai operator wayarles gambar dipetik daripada buku Ibrahim Chik dan Siti Mariam sedang membuat latihan menembak dipetik daripada penulisan Abdullah C.D.
2. Karisma juruhebah di stesen radio SRM dan Atom sedang membuat latihan menembak dipetik daripada penulisan Ibrahim Chik.
3. Ibrahim Chik bersama dua anak perempuannya Zamni dan Mazni dan Chin Peng bersama Rejimen Ke-10 sumber penulisan Abu Samah.
4. Wanita Rejimen Ke-10 (PKM) sedang menjahit dipetik daripada penulisan Angkatan Tentera Malaysia.
5. Atom bersama kader wanita dan suami dan barisan pemimpin Rejimen Ke-10 sumber Encik Hasyim bin Idris.
Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
6. Suriani Abdullah sedang memberi ceramah dan kanak-kanak perempuan dalam Rejimen Ke-10 dipetik daripada penulisan Suraini Abdullah.
7. Pengkaji bersama Zamni bekas kader Rejimen Ke-10 dan Zamiah seorang bekas Ketua Seksyen wanita Rejimen Ke-10 sumber pengkaji.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
1

BAB 1

PENGENALAN PARTI KOMUNIS MALAYA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Penyebaran pemikiran dan teori persamaan taraf yang dicipta oleh Karl Marx

^{1>} serta penyebaran ideologi komunisme meresapi ke sanubari sebilangan masyarakat Cina sejak 1920-an lagi.^{2>} Fahaman komunisme ini dicetuskan oleh Karl Marx dan disebarluaskan oleh Lenin.^{3>}

Karl Marx was a German scholar and thinker, who put forward revolutionary theories social and economic reforms. According to him, the obstacle in the way of human freedom, all over the world ,was the struggle between the rich owners and the poor works. Marx believed



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
1



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
2

that the owners were unfair to their workers. He maintained that, because the workers and the owners had different interests, they could never agree. This would finally result in a revolution, where the workers would overthrow the owners, and a classless society would be established. The most popular works if Marx are The communist manifesto and Das Kapitalis. Marx's ideas formed the basis of many revolutions across, like the Russian Revolution of 1917.^{4>}

Lenin^{5>} juga mengatakan bahawa wilayah timur mempunyai potensi yang sangat baik bagi perkembangan revolusi dunia. Di Asia, idealisme Komunis dipelopori oleh negara China dan Kesatuan Soviet yang menginginkan kuasa komunis melebarkan sayapnya hingga ke seluruh negara. Bagi Tanah Melayu penyebaran fahaman komunis tersebar secara tidak langsung oleh seorang pemimpin komunis dari Indonesia yang bernama

Alimin^{6>} yang singgah di Singapura pada awal tahun 1924 dalam perjalanan ke Canton.^{7>} Tidak lama kemudian, Tan Malaka^{8>} mendorong Parti Komunis China (PKC) menghantar wakil ke Singapura dan Tanah Melayu.

Pada tahun 1927, berlaku perpecahan antara Parti Kuomintang (KTM) dengan PKC di negara China sehingga mengakibatkan kader komunis di Tanah Melayu dan Singapura terpaksa bergerak dengan sendiri. Peristiwa ini, telah menyebabkan tertubuhnya Parti Komunis Nanyang (PKN) ataupun Nanyang-Ch'an-Tang pada Mac 1928 di bawah pentadbiran Biro Timur jauh *Comintern*. PKN telah bertindak sebagai penyelaras, penggerak dan mengawasi gerakan fahaman komunis di Asia.^{9>} Malangnya, PKN gagal mencapai sasaran Maka dengan rasminya, Parti Komunis Malaya (PKM) ditubuhkan pada 30 April 1930 dan dirasmikan oleh Ho Chin Minh seorang pemimpin Parti Komunis



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Vietnam.^{10>}

Walau bagaimanapun, pada awalnya PKM kurang mendapat sambutan daripada penduduk Tanah Melayu, namun di bawah kepimpinan Lai Teck,^{11>} PKM berjaya menarik ahli lebih kurang 37,000 orang di Tanah Melayu dan 18,820 orang di Singapura.^{12>} Semasa pendudukan Jepun pada 1942 hingga 1945 di Tanah Melayu, PKM mengukuhkan pasukannya dengan penubuhan *Malayan People Anti-Japanese Malaya (MPAJA)*^{13>} yang mendapat sokongan daripada pihak British. Setelah Jepun menyerah kalah di tangan pasukan Berikut pada Ogos 1945, PKM mengambil alih pentadbiran selama 14 hari bermula dari 12 September 1945 sehingga 25 September 1945.^{14>} Sekembalinya British ke Tanah Melayu pada tahun 1945,



^{15>} British telah mengambil alih semula kuasa dan pada 23 Julai 1948 British bertindak mengharamkan PKM dengan alasan aktiviti mereka yang sangat agresif.^{16>} Pengharaman PKM kerana lanjutan daripada peristiwa pembunuhan terhadap tiga orang bangsa Eropah iaitu Allison, Christian dan Arthur Walker di Sungai Siput, Perak.^{17>}

Maka, Sir Edward Gent^{18>} seorang Pesuruhjaya Tinggi British telah mengisytiharkan darurat bermula dari 2 Julai 1948.^{19>} Pada awalnya, British sukar menentang pengaruh PKM disebabkan keadaan negara yang tidak stabil selepas perang dan keadaan pertahanan negara yang belum dapat dipulihkan sepenuhnya.^{20>} British telah menjalankan arahan perintah berkurung, pemeriksaan tanpa waran dan pengawalan pergerakan lalu lintas





serta bekalan makanan yang bertujuan untuk melemahkan PKM.^{21>}

Langkah ini, menyebabkan ramai pemimpin PKM melarikan diri ke hutan kerana takut diberkas oleh pihak berkuasa. Rancangan Briggs telah dilaksanakan di negeri Johor pada 1 Jun 1950 dan seterusnya dilaksanakan ke seluruh Tanah Melayu. Rancangan Briggs bertujuan menempatkan semula setinggan-setinggan Cina dari kawasan-kawasan terpencil yang bertaburan ke kampung-kampung baru untuk melindungi mereka daripada dipaksa oleh PKM membantu mereka, dan yang lebih penting lagi ialah untuk menghapuskan sistem bekalan komunis.



Di samping itu, perang saraf atau perang psikologi^{22>} turut digunakan oleh Jeneral Sir Gerald Templer yang menjadi Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu pada bulan Januari 1952. Perang psikologi bertujuan untuk memenangi hati dan fikiran rakyat Tanah Melayu yang rata-rata terkeliru dengan agenda PKM. Di antaranya, peraturan-perang psikologi yang dijalankan ialah pindaan peraturan-peraturan kewarganegaraan yang membolehkan lebih ramai orang bukan Melayu menjadi warganegara. Rakyat juga digalakkan untuk memberi maklumat-maklumat untuk membolehkan penangkapan kader komunis selain daripada mendapat hadiah wang tunai yang diberikan kerajaan. Kader komunis juga digesa menyerah diri melalui risalah-risalah yang digugurkan dari udara ke hutan.





Bagi pihak PKM pula mereka menubuhkan Rejimen Ke-10 Tentera Pembebasan Nasional Malaya (TPNM) di Lubuk Kawah, Temerloh, Pahang di bawah pimpinan Abdullah Cik Dat (Abdullah C.D).^{23>} Sebilangan besar kader Rejimen Ke-10 adalah bekas anggota parti haluan kiri^{24>} yang telah diharamkan oleh British. Bermula dari tahun 1948, Rejimen Ke-10 semakin mengganas dan melancarkan beberapa pemberontakan bersenjata namun, mereka masih gagal mengambil alih kuasa. Keadaan ini, berlarutan sehingga tahun 1954, akhirnya British telah mengubah taktik dalam gerakan menentang PKM.



Ini jelas, apabila Tuanku Abdul Rahman dilantik menjadi Ketua Menteri pada 7 September 1955, beliau telah menawarkan pengampunan kepada kader-kader PKM.^{25>} Tawaran ini menjadi tumparan hebat kepada Chin Peng^{26>} dan PKM itu sendiri khasnya. Pada tahun yang sama, Chin Peng telah bersetuju berjumpa dengan Tuanku di Baling, Kedah pada 28-29 Disember 1955.^{27>} Perjumpaan ini diadakan di Sekolah Kebangsaan Tuanku Putra. Bagi pihak PKM, mereka telah diwakili oleh Chin Peng, Rashid Maidin^{28>} dan Chen Tien.^{29>} Manakala pihak kerajaan pula, telah diwakili oleh Tuanku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock, David Marshall dan Hamid Jumaat.^{30>} Perjumpaan ini turut dikenali sebagai Rundingan Baling^{31>} ataupun "*Operasi Rink Gun*".^{32>} Dalam rundingan itu, Chin Peng memohon supaya Tuanku bersetuju menjadikan PKM sebuah parti yang sah tetapi Tuanku menolak permohonan tersebut, akhirnya Chin Peng memilih untuk meneruskan perjuangan mereka dari hutan. Sehingga Perjanjian Haadyai yang ditandatangani di Hotel Lee Gardens Haadyai termeterai pada 2





Disember 1989.^{33>}

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Peranan dan penglibatan wanita Melayu dalam Rejimen Ke-10 dari tahun 1949 sehingga tahun 1989 adalah sejajar dengan situasi perjuangan komunis di dalam hutan. Pengaruh ideologi komunis mula meresapkan di Tanah Melayu secara rahasia seawal tahun 1920-an dan seterusnya berkembang dengan pelbagai aktiviti pemogokan buruh yang bertujuan untuk melumpuhkan ekonomi Tanah Melayu. Pada 30 April 1930 dengan rasminya PKM di tubuh di Tanah Melayu setelah sekian lama bergerak secara sulit. Sejak daripada tarikh tersebut, PKM telah berkembang pesat dan berjaya mempengaruhi pelbagai kaum di Tanah Melayu untuk menyokong mereka.

Kekuatan PKM semakin menyerlah apabila berjaya menukuhkan Rejimen Ke-10 di Pahang yang mempunyai satu organisasi yang tersusun. Jelas bahawa Rejimen Ke-10 ini juga adalah satu cawangan PKM khas bagi kaum Melayu. Kader-kader pasukan Rejimen Ke-10 terdiri daripada golongan lelaki yang kebanyakannya bekas parti berhaluan kiri dan hanya sebilangan kecil golongan wanita. Lantaran itu penyelidik dapat mencungkil peranan dan penglibatan wanita Melayu dalam Rejimen Ke-10 secara





menyeluruh sehingga dalam perjanjian Haadyai yang dijalankan antara pihak kerajaan Malaysia dan kerajaan Thailand dengan PKM.^{34>} Semua ini disebabkan Rejimen Ke-10 menjalankan strategi memperkuatkan parti melalui golongan wanita sebagai media utama mereka.

1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan membuktikan golongan wanita Melayu berperanan dan terlibat dalam Rejimen Ke-10. Peranan dan penglibatan golongan wanita bukan sahaja merangkumi ideologi yang dipegang, malahan meliputi pemikiran dan pengorbanan yang sangat besar.

Ianya juga bagi menyelidik dan memahami peranan golongan wanita Melayu dalam sejarah perjuangan Rejimen Ke-10. Berdasarkan sumber kajian dan bahan bukti tentang kewujudan golongan wanita ini. Dalam mencapai matlamat perjuangan wanita, kajian ini akan menyingkap penyertaan golongan wanita Melayu dalam Rejimen Ke-10 dan peranan serta cabaran yang terpaksa ditempuhi sehingga ada yang dipandang rendah oleh masyarakat kerana penglibatan mereka itu.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
8

Akhir sekali, kajian ini dapat menambah kepelbagaian khazanah ilmu dan diharapkan dapat membantu dan memberi gambaran kepada pengkaji-pengkaji lain tentang kewujudan golongan wanita dalam Rejimen Ke-10.

1.4 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menilai bahawa penglibatan wanita dalam Rejimen Ke-10 dan menambahkan lagi khazanah penyelidikan sejarah negara.

Pada masa yang sama juga, ianya bertujuan untuk mengkaji semua perkara yang berkaitan dengan wanita dalam Rejimen Ke-10 terutama peranan mereka dan cabaran yang terpaksa mereka tempuh.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini tentang peranan dan penglibatan wanita Melayu dalam Rejimen Ke-10 PKM mempunyai beberapa objektif, iaitu:

1. Mengkaji kemunculan dan perkembangan ideologi komunis di Tanah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
9

Melayu.

2. Mengkaji penubuhan dan perkembangan Rejimen Ke-10, Parti Komunis Malaya.

3. Menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan wanita terlibat dan terpengaruh dengan Rejimen Ke-10, Parti Komunis Malaya.

4. Mengkaji peranan dan tanggungjawab golongan wanita dalam Rejimen Ke-10, Parti Komunis Malaya.

5. Mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh wanita dalam perjuangan Rejimen Ke-10, Parti Komunis Malaya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.6 PERSOALAN KAJIAN

1. Mengapakah orang Melayu khasnya wanita boleh terlibat dengan komunis?

2. Bagaimanakah wanita-wanita ini boleh terlibat dengan Rejimen Ke-10?



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



3. Sejauh manakah peranan dan penglibatan mereka dalam Rejimen Ke-10?

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Dalam penulisan ini, penyelidik menggunakan beberapa kaedah untuk menghasilkan sebuah penulisan yang menepati ciri-ciri penulisan sejarah.

Proses penyelidikan terbahagi kepada tiga peringkat yang penting iaitu

pemilihan bahan, menganalisis sumber, pengumpulan data serta persesembahan

pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

ptbupsi

dalam bentuk penulisan untuk mencapai kebenaran objektifnya.^{35>} Penggunaan

sumber pertama dan sumber kedua sangat penting bagi menghasilkan sebuah

penulisan sejarah yang baik dan boleh diterima umum. Lantaran itu, penyelidik

melakukan penyelidikan dokumen rasmi dan tidak rasmi, meneliti buku-buku

serta menemuramah bekas tentera, bekas polis khas dan bekas kader

Rejimen Ke-10 PKM. Semua ini adalah bertujuan untuk menghasilkan

sebuah kajian sejarah mengenai penglibatan dan peranan golongan wanita

dalam Rejimen Ke-10.

Penyelidik berjaya menemuramah bekas kader Rejimen Ke-10 bagi menceritakan kembali pengalaman suka duka mereka dalam perjuangan Rejimen Ke-10. Antara bekas kader Rejimen Ke-10 yang masih hidup dan





menetap di Malaysia ialah Ibrahim Chik,^{36>} Zamiah,^{37>} Rahmah,^{38>} Zamni^{39>} dan Mazni.^{40>} Mereka ini merupakan sumber lisan yang utama dan sangat penting dalam kajian. Penyelidik juga berjaya menemui dokumen-dokumen rasmi yang tersimpan di Jabatan Arkib Negara Malaysia sebagai sumber yang sangat penting. Seterusnya penyelidik juga telah membuat lawatan ke Kampung Lubuk Kawah di Temerloh, Pahang bagi memantapkan lagi tesis ini.

Penyelidik juga melakukan kajian ke atas sumber-sumber sekunder bagi memantapkan lagi penulisannya. Sumber sekunder adalah terdiri daripada tulisan-tulisan ahli sejarah seperti karya sejarah yang tersusun dan rencana.^{41>} Kajian ini amat penting dilakukan bagi memastikan wujudnya kesinambungan dan keseragaman antara sumber primer yang diperoleh dengan sumber sekunder. Lantaran itu penyelidik melakukan kajian ke perpustakaan seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Pendeta Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang di Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Kementerian Dalam Negeri, Perpustakaan Jabatan Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Angkatan Tentera di Kem Kementah dan Kem Sungai Besi, Muzium Angkatan Tentera Malaysia di Port Dickson dan Muzium Kemerdekaan di Melaka, Jabatan Arkib Negara Malaysia menyimpan bahan-bahan sejarah, dan sumber-sumber dokumen. Di Perpustakaan Jabatan Arkib Negara Malaysia, penyelidik juga berjaya menemui banyak bahan sejarah seperti buku, artikel, jurnal, keratan akhbar dan majalah serta fail-fail.





Pada tahap kritikan sumber pula, penyelidik melakukan kritikan dan penilaian secara terperinci kepada semua dapatan yang telah diperoleh. Ini kerana tidak semua data ataupun maklumat yang diperoleh mempunyai kebenaran yang bersifat objektif. Proses kritikan sumber terbahagi kepada dua iaitu kritikan luaran dan kritikan dalaman. Kritikan luaran juga sangat perlu bagi menentukan keaslian sesuatu sumber.^{42>} Manakala kritikan dalaman pula untuk menentukan isi kandungan sumber tersebut, pengkaji harus bijak mengkritik sumber tambahan terutama sumber-sumber yang diperoleh daripada temu bual dengan bekas kader Rejimen Ke-10 dan bekas polis khas. Jelas bahawa kritikan sumber sangat perlu kerana terdapat fakta-fakta yang bercanggah dan bertentangan dalam penentuan kajian.



Seterusnya pada tahap ini, penyelidik membuat tafsiran bagi sumber-sumber yang di peroleh selaras dengan kejujuran dan mengelak daripada bias ataupun pengadilan moral. Selain itu, pemilihan bahan juga sangat penting. Oleh itu, pengkaji berusaha mengumpul data dan maklumat dari pelbagai sudut, untuk mengesan dan mengenal pasti sumber yang diperlukan dalam penulisan. Penyelidik tidak boleh membuat sebarang kenyataan tanpa disokong oleh mana-mana sumber kerana ianya tidak membawa kepada kebenaran dan bias. Akhir sekali iaitu persembahan dalam bentuk penulisan yang tersusun rapi. Sehubungan itu, penyelidik mestilah menulis mengikut hasil kajian yang telah dibuat berpandukan sumber-sumber yang asli dan pentaksiran secara kualitatif. Pentaksiran kualitatif merupakan salah satu cabang gaya penulisan berdasarkan dapatan sumber yang bukannya berbentuk data ataupun angka.





1.8 PEMBAHAGIAN BAB

Kajian ini dibahagi kepada tujuh bab. Bab satu adalah bab pengenalan menceritakan penubuhan PKM secara sepintas lalu sahaja. Seterusnya Tujuan kajian, Objektif kajian, Kepentingan kajian, Metodologi kajian, Permasalahan kajian, Skop kajian dan Batasan kajian, Kajian lampau dan kesimpulan kepada tujuan kajian ini hendak dilaksanakan.

Bagi bab kedua membincangkan kemunculan ideologi komunis di Tanah Melayu dan perkembangannya. Bermula daripada sejarah penubuhan PKM di Tanah Melayu sehingga kepada termeterainya Perjanjian Damai Haadyai yang menandakan tamatnya perjuangan Parti Komunis Malaya selama 59 tahun yang bermula tahun 1930 sehingga 1989. Tidak ketinggalan juga, melihat kepada penglibatan penduduk Tanah Melayu dan sambutan rakyat terhadap perjuangan PKM.

Bab ketiga pula, penyelidik mengkaji tentang penubuhan Rejimen Ke-10 bermula daripada penubuhannya pada 21 Mei 1949 sehingga tamatnya sempena Perjanjian Haadyai pada tahun 1989. Perjuangan yang mereka pertahankan selama 40 tahun tanpa rasa putus asa. Kajian ini juga, meliputi matlamat dan strategi perjuangan Rejimen Ke-10 serta kekuatan pasukan Rejimen Ke-10. Penyelidik juga meninjau peristiwa Perjanjian Haadyai 1989 dan kehidupan bekas-bekas kader Rejimen Ke-10 selepas perjanjian ini.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
14

Bab keempat, menjurus kepada kajian penulis iaitu membincangkan pengaruh dan inspirasi ideologi komunis dalam kalangan wanita Melayu. Termasuklah faktor penglibatan wanita tersebut dan meninjau latar belakang wanita Melayu yang terlibat dalam Rejimen Ke-10. Tidak ketinggalan juga penulis turut meneliti secara terperinci sejauh manakah ideologi komunis berjaya diterapkan kepada wanita-wanita ini?

Bab lima, pula penyelidik meninjau peranan dan penglibatan yang dimainkan oleh wanita dalam Rejimen Ke-10 serta mengetengahkan susur galur realiti kehidupan mereka ketika bersama Rejimen Ke-10.

Bab enam, penyelidik membincangkan tentang impak dan implikasi terhadap penglibatan wanita dalam Rejimen Ke-10 terutama dalam menjalankan tugas yang diamanahkan. Selain itu, penyelidik meneliti pandangan dan penerimaan rakan-rakan sepasukan terhadap tugas yang diberikan kepada mereka. Tidak ketinggalan juga, penyelidik meninjau pandangan dan tanggapan masyarakat luar kepada mereka serta penghargaan yang mereka terima daripada Rejimen Ke-10.

Bab ketujuh, pula adalah bab kesimpulan kepada kajian ini iaitu membuktikan peranan yang dimainkan oleh golongan wanita dalam pasukan Rejimen Ke-10 ini adalah sangat penting dan sama tarafnya dengan golongan lelaki Rejimen Ke-10. Penyelidik turut meneliti cara-cara golongan wanita ini melepasi rintangan dan cabaran yang terpaksa mereka hadapi ketika bersama Rejimen Ke-10. Seterusnya penyelidik melihat secara menyeluruh tentang



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
15

kajian serta cuba mengaitkan dengan persoalan yang ditimbulkan dalam kajian ini.

1.9 BATASAN KAJIAN

Skop kajian penulisan ini menjurus kepada penglibatan dan peranan wanita dalam Rejimen Ke-10. Golongan wanita ini bertanggungjawab menggembungkan tenaga dan juga menjadi penggerak kepada Rejimen Ke-10. Wanita Rejimen

Ke-10 ini amat menarik untuk dikaji kerana mereka sentiasa menjadi tulang belakang kepada pergerakan pasukan. Tempoh masa kajian ini dipilih adalah dari tahun 1949 hingga 1989 kerana ia merupakan tempoh masa yang paling penting dalam sejarah perjuangan PKM. Kajian ini akan menjelaskan matlamat perjuangan, strategi, cabaran, rintangan dan faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan dan peranan wanita dalam Rejimen Ke-10.

1.10 HIPOTESIS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Peranan golongan wanita dalam Rejimen Ke-10 adalah penting tetapi tidaklah sepenting peranan yang dimainkan oleh golongan lelaki. Selain itu, golongan wanita ini turut menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan dalam memperjuangkan ideologi komunis .

1.11 KAJIAN LAMPAU

Biasanya apabila menyebut tentang komunisme di Malaysia fikiran kita akan tertumpu kepada penglibatan orang Cina.^{43>} Namun, dengan kepulangan Shamsiah Fakeh^{44>} ke Malaysia telah menyedarkan masyarakat bahawa sebenarnya terdapat kumpulan komunis Melayu termasuk golongan wanita yang bergiat cergas. Maka berbagai-bagai persoalan timbul dalam minda umum kenapakah wanita Melayu seperti Shamsiah Fakeh boleh terlibat dengan ideologi komunis? Oleh itu, pengkaji terpanggil untuk membuat kajian lebih mendalam tentang wanita Melayu yang terlibat dengan Rejimen Ke-10. Setakat ini, pengkaji tidak menemui kajian khusus mengenai penglibatan wanita dalam Rejimen Ke-10. Namun hanya terdapat kajian yang tertumpu kepada tiga orang wanita PKM iaitu Shamsiah Fakeh, Suriani Abdullah^{45>} dan Lee Meng yang ditulis oleh Roziyati Komar.

Walaupun terdapat tulisan lain berkaitan dengan penglibatan wanita dalam PKM, tetapi hanya diselit di dalam bab-bab yang tertentu sahaja.





Sebagai contoh dalam *Catatan Abu Samah Mohd Kasim, Catatan Suriani Abdullah, Catatan Abdullah C.D, Catatan Rashid Maidin dan Catatan Shamsiah Fakeh.*

Dalam kajian ini, penyelidik telah meneliti beberapa penulisan antaranya penulisan kajian tentang *Siti Norkiah Mahmud Srikandi dari Pahang Utara* yang ditulis oleh Muhammad Salleh Lamry pada 2011.^{46>}

Dalam penulisan tersebut, beliau mengkaji tentang perjuangan Siti Norkiah yang menyertai Rejimen Ke-10 sejak dari muda sehingga berakhirnya perjuangan Parti Komunis Malaya. Muhammad Salleh Lamry juga menulis segala aktiviti yang dilakukan oleh Siti Norkiah dalam Rejimen Ke-10 dan

tugas-tugas yang dipikul olehnya dalam pasukan Rejimen Ke-10. Di sini juga,



Markas Rejimen Ke-10 telah dibina dengan segala kemudahan seperti tempat berlindung daripada serangan udara, bilik pejabat pengarah, klinik, kilang senjata. Penulis juga menyelit sedikit tentang peranan yang dimainkan oleh isteri Abu Samah iaitu Siti Norkiah^{47>} yang turut berperanan sebagai wanita Rejimen Ke-10 dan beberapa wanita lain turut diselitkan seperti Zaimah, Hamsah dan Suriani yang banyak menyumbang tenaga dan bakti kepada Rejimen Ke-10.

Dalam penulisan yang terawal iaitu buku Edgar O' balance pada 1966 bertajuk *Malaya: The Communist Insurgent War, 1848-1960.*^{48>} Beliau menulis tentang ancaman pihak PKM secara menyeluruh bermula daripada penubuhan PKM lagi. Walau bagaimanapun, dalam penulisan Edgar, beliau





tidak menyelit langsung peranan yang dimainkan oleh Rejimen Ke-10 kerana beliau banyak tertumpu kepada tindakan kerajaan membanteras ancaman. Boleh dikatakan penulis mungkin tidak jelas tentang kewujudan banyak rejimen dalam PKM kerana ianya tidak didedahkan kepada umum. Tambahan ketika penulisan ini dikenalpasti, Undang-Undang Darurat 1948 masih dikuatkuaskan dan ancaman pasukan komunis sangat aktif ketika itu.

Penulisan oleh Muhammad Salleh Lamry, menunjukkan bahawa penglibatan seseorang dengan PKM bermula daripada perjuangan gerakan haluan kiri yang radikal. Manakala beberapa buah buku yang dikaji pula menceritakan pemberontakan komunis dan penentangan yang dilakukan oleh kerajaan melalui beberapa rancangan British sehinggalah peranan Angkatan Tentera Malaysia yang diketengahkan oleh Kerajaan Malaysia setelah negara mencapai kemerdekaan.

Kajian *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaya* yang ditulis oleh Mohd Reduan Haji Asli.^{49>} Dalam kajiannya beliau mengkaji secara keseluruhan tentang pemberontakan PKM untuk menumbangkan kerajaan dengan cara haram dan kekerasan bersenjata. Kajian ini menunjukkan pemberontakan komunis berlanjutan selama 12 tahun, namun PKM termasuklah Rejimen Ke-10 telah tewas dengan teruk dan terpaksa berundur ke Selatan Thailand. Seterusnya penyelidik telah menulis secara terperinci tentang segala kemusnahan yang dilakukan oleh PKM. Secara kesimpulannya, penulisan ini telah membuktikan banyak kemusnahan yang telah dilakukan oleh PKM dan Rejimen Ke-10. Hal ini terbukti dengan pengakuan yang ditulis





oleh bekas pemimpin Rejimen Ke-10 dalam buku-buku mereka.

Begitu juga dengan penulisan oleh James Wong Wing On yang bertajuk *From Pacific War to Merdeka* pula menceritakan tentang wanita Rejimen Ke-10. Beliau menulis tentang biodata wanita penting dalam Rejimen Ke-10 terutama isteri kepada orang kuat parti seperti Salamah Abdullah^{50>} isteri kepada Rashid Maidin. Manakala Suriani pula adalah isteri kepada Abdullah C.D. James juga menceritakan tentang hidup perjalanan Suriani ketika mula-mula tertarik dengan perjuangan PKM sehingga berakhirnya perjuangan PKM. Tidak ketinggalan juga beliau menceritakan sebab wanita-wanita ini tertarik kepada perjuangan PKM.^{51>}



Penulisan oleh Chin Peng yang bertajuk *Chin Peng-My Side of History*^{52>} yang menceritakan tentang dirinya bermula daripada penubuhan PKM sehingga termeterainya Perjanjian Damai 1989. Beliau juga menceritakan segala aktiviti-aktiviti pasukan termasuklah ketika menghadapi pertempuran dengan British ketika Darurat 1948, dengan Kerajaan Malaysia selepas merdeka dan termasuklah Rundingan Baling 1955 serta sebab-sebab rundingan itu gagal. Chin Peng turut menceritakan perihal sahabat-sahabatnya yang menjadi orang kuat pasukan seperti Abdullah C.D, Rashid Maidin, Musa Ahmad,^{53>} Abu Samah, Suriani Abdullah dan ramai lagi. Tidak ketinggalan juga tentang perbuatan Lai Teck yang dikatakan pembelot serta dalam dua muka yang telah mengakibatkan banyak kerugian bagi pihak PKM. Dalam bab penutup Chin Peng juga menjelaskan bahawa PKM juga adalah sebuah pasukan yang menentang penjajah British untuk menuntut kemerdekaan negara.^{54>} Jelas sekali, Chin Peng telah menyelit sedikit peranan





wanita secara sepintas lalu iaitu berkaitan dengan tugas yang dijalankan oleh Suriani Abdullah.

Dalam kajian Mahmud Embung yang bertajuk *Perkembangan Rejimen Ke-10 Melayu Parti Komunis Malaya 1949-1989*,^{55>} beliau menulis secara terperinci bermula daripada penubuhan Rejimen Ke-10, diikuti dengan perjalanan jauh dan kebangkitan semula Rejimen Ke-10 dan diakhiri dengan termeterainya Perjanjian Haadyai 1989. Mahmud Embung juga membicarakan tentang segala aktiviti yang dijalankan oleh pasukan Rejimen Ke-10 terutama ketika berada di sempadan Thailand. Tidak ketinggalan, juga beliau menjelaskan tentang strategi dan perancangan Rejimen Ke-10 untuk mencapai impian mereka membentuk Republik Komunis di Tanah Melayu. Beliau juga menulis secara kritis tentang pembabitan orang Melayu dalam Rejimen Ke-10 khususnya dan amnya dalam PKM. Beliau juga ada menyelitkan sedikit tentang penglibatan wanita terutama Suriani Abdullah yang bertanggungjawab dalam menjadi orang tengah dalam perpindahan Rejimen Ke-10 ke Selatan Thailand. Selain itu beliau juga menyentuh tentang peranan Shamsiah Fakeh sebagai kader Rejimen Ke-10 dan beliau juga menyelitkan sedikit faktor terjebaknya wanita kepada PKM contohnya penglibatan Suriani Abdullah.

Begitu juga penulisan oleh pihak Markas Tentera Darat yang bertajuk *Tentera Darat Menentang Insurgensi Komunis 1968-1989* oleh seorang pegawai tentera yang bernama Sharom bin Hasyim yang menggambarkan perjuangan tentera darat untuk menumpaskan PKM. Penulis turut menyelitkan





beberapa keping gambar yang jelas menunjukkan kejayaan pihak tentera dalam kempen menentang PKM. Tidak ketinggalan juga penulis turut menulis sedikit tentang Rejimen Ke-10 dan segala propaganda mereka. Melalui pembacaan buku ini, penyelidik dapat bahawa Rejimen Ke-10 adalah salah satu rejimen yang sangat penting dalam PKM. Ini kerana Rejimen Ke-10 mempunyai kader-kader yang mempunyai semangat juang yang tinggi.

Begitu juga dengan kajian yang dibuat oleh Roziyati Komar dalam *Wanita Parti Komunis Malaya : Shamsiah Fakeh, Suriani Abdullah dan Lee Meng*.^{56>} Beliau menulis penglibatan ketiga-tiga wanita ini dan sebab-sebab mereka terlibat dengan PKM. Beliau memberi tumpuan kepada penglibatan awal ketiga-tiga wanita ini sehingga berakhirnya perjuangan PKM. Tidak ketinggalan juga, beliau menulis tentang isu yang wujud dalam kes Lee Meng yang telah ditahan oleh pihak berkuasa Tanah Melayu. Namun gaya penulisan beliau memfokuskan tentang kisah hidup tiga orang wanita tersebut bukannya menjurus kepada peranan dan penglibatan wanita ini.

Beliau turut membuat perbandingan terhadap tiga-tiga wanita ini dalam PKM secara menyeluruh. Beliau juga turut menyelitkan tentang Shamsiah Fakeh yang dikatakan seorang wanita Melayu yang terlibat dengan PKM sejak dari zaman darurat lagi. Selain itu, penulis juga menyelitkan sedikit sebab-sebab Shamsiah Fakeh terlibat dengan PKM. Sama seperti maklumat yang dikumpul oleh penyelidik daripada temu bual dan pembacaan, rata-rata golongan wanita Melayu mengatakan mereka terlibat dengan PKM kerana tindakan British. Bagi penyelidik pula perkara utama yang di titik





beratkan adalah melihat tentang peranan ketiga-tiga wanita ini yang sanggup menolak adat dan budaya masyarakat.

Seminar Kebangsaan Sejarah Malaysia yang di bentang oleh Mahani Musa yang bertajuk *Gerila Wanita Dalam Perjuangan PKM, 1945-1957* menulis secara kritis tentang penglibatan gerila wanita terutama gerila wanita Cina dan tidak ketinggalan gerila wanita Melayu.^{57>} Tempoh masa yang dipilih oleh beliau iaitu dari 1945 sehingga 1957 sahaja yang merupakan tempoh masa genting dalam sejarah perjuangan PKM yang terpaksa berhadapan dengan Undang-Undang Darurat yang telah diisytiharkan oleh British pada tahun 1948.^{58>} Penglibatan gerila-gerila wanita dikupas secara terperinci termasuklah keadaan hidup serta pengorbanan yang terpaksa dihadapi oleh mereka berbanding kehidupan wanita biasa. Penglibatan golongan wanita ini telah ditulis secara sepintas lalu kerana tumpuan penulisan beliau, adalah kepada aktiviti wanita dalam PKM sebagai gerila. Beliau juga menyelitkan kedudukan wanita dalam PKM yang berbanding dengan kedudukan wanita dalam parti politik kanan.

Bagi penyelidik dalam kajian ini tertumpu kepada peranan yang dimainkan oleh golongan wanita secara keseluruhan termasuklah tugas-tugas yang dianggap terpencil sehingga tugas-tugas yang penting. Maka pengkaji tidak membandingkan peranan yang dibawa oleh golongan wanita dengan peranan yang dibawa oleh golongan lelaki dalam Rejimen Ke-10. Hal ini terjadi kerana, penyelidik lebih tertarik meninjau peranan golongan wanita





dari pada semua aspek termasuklah cara-cara mereka terlibat sehingga kepada masalah yang mereka hadapi dalam kehidupan sehari-hari bersama Rejimen Ke-10. Pada pandangan pengkaji, peranan yang dimainkan oleh golongan wanita dalam Rejimen Ke-10 bukanlah semata-mata kerana *survival* tetapi lebih kepada ideologi yang mereka pegang serta tanggungjawab yang diamanahkan oleh pasukan kepada diri mereka.

Tuwaedaniya Meringing pula menulis dalam kajiannya yang bertajuk *Kerjasama Sempadan Malaysia-Thailand (1949-1989): Dalam Menangani Masalah Komunis.*^{59>} Beliau mengupas secara terperinci segala perkara yang berkaitan dalam kerjasama antara dua Negara iaitu Malaysia dan Thailand. Penulis juga, turut menulis bermula daripada penubuhan PKM sehingga berakhirnya PKM pada tahun 1989. Dalam kajian ini, tidak terdapat langsung peranan yang dimainkan oleh wanita. Kajian Tuwaedaniya, lebih memberi tumpuan khusus kepada semua cara bagi membanteras komunis.

Nor Azmah Ismail dalam kajiannya yang bertajuk *Biografi Perjuangan Ibrahim Chik*. Beliau membuat kajian dari awal penglibatan Ibrahim Chik dalam API sehingga terlibat dengan Rejimen Ke-10 dan berjuang di hutan sehingga beliau keluar dari hutan dan menetap di Taman Setia Jaya, Temerloh, Pahang. Berbanding dengan temu ramah pengkaji, Ibrahim Chik meluahkan seluruh perasaannya kerana dia dan rakan-rakannya percaya kemerdekaan yang dikecapi sekarang ada sedikit sumbangan daripada pihak mereka. Ibrahim Chik juga telah menceritakan sebab-sebab beliau dan rakan-rakannya terjebak dengan PKM dan menubuhkan Rejimen Ke-10.





Walau bagaimanapun, Ibrahim Chik tidak pernah menyesali takdir Allah kepada dirinya dan bangga atas sumbangannya.

Juraini Abdullah dalam tulisannya yang bertajuk *Perjuangan Siti Nong Ishak dalam Politik Haluan Kiri di Temerloh*. Pengkaji ini telah membuat kajian terhadap Siti Nong yang bermula daripada penglibatan dalam AWAS sehingga terlibat dengan Rejimen Ke-10. Setelah sekian lama berada dalam Rejimen Ke-10 Siti Nong melarikan diri bersama-sama Salleh, suaminya sekarang. Siti Nong bersama suaminya memulakan kehidupan baru di Selatan Thailand dan menyerah diri kepada kerajaan Malaysia setelah ditawarkan pengampunan tanpa syarat. Tidak ketinggalan juga selepas Siti Nong menyerah diri dan menjalani kehidupan biasa. Kajian Juraini adalah sangat jauh dari kajian yang dibuat oleh penyelidik kerana Juraini tidak mengupas secara terperinci tugas-tugas yang dimainkan oleh Siti Nong sebaliknya secara sepintas lalu sahaja.



Abdul Jalil bin Tarmiji mengkaji tentang hubungan antara kaum Cina dengan kaum Melayu bermula daripada pendudukan Jepun sehingga darurat 1948, dan turut mengkaji sebab dan akibat daripada keretakan hubungan ini. Kajian beliau adalah tentang *Masyarakat Tanah Melayu Puncak Pertentangan Melayu-Cina pada masa pemerintahan Bintang Tiga*. Kajian beliau hanya tertumpu kepada era pemerintahan pasukan Bintang Tiga selepas Jepun menyerah kalah. Pengkaji dapati tidak membincangkan tentang golongan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
25

wanita dalam kajiannya.

Tulisan Zainuddin Maidin yang berjudul *Wira Tak Di dendang*^{60>} menceritakan secara terperinci tentang Perjanjian Damai 1989. Bermula daripada cadangan perjanjian ini kemudiannya diteruskan dengan perbincangan di peringkat lebih tinggi. Penulisan ini juga menjelaskan tentang tuntutan yang diminta oleh PKM dengan tujuan untuk melindungi kehidupan bekas kader Rejimen Ke-10 setelah mereka meletakkan senjata nanti. Setelah segala persetujuan dicapai di antara semua pihak, maka termeterailah Perjanjian Haadyai dan juga dikenali sebagai Perjanjian Damai pada 2 Disember 1989. Dalam buku ini juga peranan wanita hanya ditulis sekilas pandang sahaja iaitu dalam bab akhir tetapi tidak diolah secara terperinci.

Beliau menulis tentang peranan Nor Kiah baginda bertindak sebagai wakil Rejimen Ke-10 di peringkat rendah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Darurat 1948-1960 Keadaan Sosial di Tanah Melayu dalam tulisan Ho Hui Ling menceritakan tentang latar belakang sejarah penubuhan PKM bermula daripada perkembangan ideologi sehingga kepada pengisytiharan darurat 1948. Beliau juga menulis tentang langkah-langkah yang diambil oleh British menentang ancaman PKM yang berterusan. Tidak ketinggalan juga, beliau menulis tentang keadaan sosial masyarakat Tanah Melayu kesan daripada darurat tersebut. Menurut beliau juga, walaupun darurat telah tamat pada tahun 1960 tetapi ancaman PKM masih berterusan. Ini kerana Chin Peng dan pengikutnya masih berada di Selatan Thailand. Beliau juga menulis tentang akibat daripada kekacauan yang ditimbulkan oleh PKM menyebabkan British terpaksa mengambil tindakan mengasingkan penduduk. Hukuman yang



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



dikenakan termasuklah pemusnahan perkampungan , pemindahan penduduk, penahanan penduduk di kawasan yang disyaki membantu PKM, perintah berkurung, membayar denda, arahan tutup kedai dan catuan makanan. Jelas apa yang ditulis oleh Ho Hui Ling menunjukkan kaitan dengan tindakan yang dilakukan oleh Rejimen Ke-10.

Dalam penulisan *Darurat dan Kemerdekaan 1948-1998, memperingati 50 Tahun Darurat di Tanah Melayu* tulisan Abdullah C.D seorang bekas pemimpin Rejimen Ke-10 pula menceritakan bahawa darurat telah mencetuskan perang anti-British. Menurut beliau lagi, Rejimen Ke-10 telah membuat persiapan secara sistematik dan berorganisasi bagi menghadapi tekanan daripada pihak British. Menurut Abdullah C.D juga sebilangan besar ahli Rejimen Ke-10 telah dipindahkan jauh ke dalam hutan bagi mengelak serangan pihak British.^{61>} Beliau juga menceritakan tentang pertempuran Rejimen Ke-10 menentang British ketika Darurat 1948. Abdullah C.D juga menegaskan bahawa perang selepas Tanah Melayu merdeka adalah warisan daripada penjajah dengan matlamat untuk menghapuskan saki baki penjajah. Selain itu, Abdullah C.D juga ada menyelit beberapa peranan yang telah dilaksanakan oleh golongan wanita Rejimen Ke-10 terutama Suriani Abdullah yang bertanggungjawab dalam membantu Abdullah C.D mentadbir Rejimen Ke-10.

Dalam kajian, Lenore Manderson yang bertajuk *The Development of The Pergerakan kaum Ibu UMNO, 1945-1972*^{62>} telah mendedahkan faktor-





faktor penglibatan kaum wanita dalam politik haluan kanan. Beliau juga, mencungkil tentang permasalahan perbezaan antara golongan lelaki dan golongan wanita dalam arus politik UMNO. Kajian beliau banyak membantu saya memahami konsep wanita.

Begitu juga dengan dalam penulisan *Gerakan Komunis Di Tanah Melayu Sehingga Tertubuhnya Parti Komunis Malaya* oleh Khoo Khay Kim.

^{63>} Penulisan ini menjelaskan tentang penyebaran kegiatan komunis di Tanah Melayu sama ada dibawa oleh Tan Malaka atau pun Alimin. Dalam penulisan Khoo Khay Kim perbincangan ini adalah tentang peranan yang dimainkan oleh mereka untuk melancarkan gerakan komunis di Tanah Melayu. Maka dengan itu Komunis Antarabangsa mengambil keputusan menubuhkan PKM secara rasmi di Tanah Melayu pada April 1930. PKM dikehendaki berusaha mendapatkan sokongan orang Melayu serta memberi perhatian kepada golongan petani.^{64>} Penulis juga menyelitkan sedikit tentang peranan yang dimainkan oleh kaum Melayu dalam gerakan PKM. Apa yang jelas, bagi pengkaji ialah cabang kaum Melayu dalam PKM iaitu Rejimen Ke-10. Rejimen Ke-10 telah ditubuhkan dengan arahan Chin Peng bagi mencapai matlamat PKM untuk menghalau pihak British dari Tanah Melayu dan menubuhkan Republik Komunis.

1.12 DEFINISI ISTILAH





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
28

a) Penglibatan :-

Penglibatan membawa maksud perihal melibatkan diri dalam sesuatu hal.

b) Peranan:-

Peranan pula membawa maksud bahagian atau watak yang dibawa oleh seseorang.^{65>}

1.13 KESIMPULAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Setelah penyelidik meneliti sorotan kajian lampau, penyelidik mendapati tidak terdapat kajian khusus ke atas penglibatan dan peranan wanita dalam Rejimen Ke-10. Kesemuanya hanya menyelit sepintas lalu ataupun hanya menceritakan secara tidak langsung sahaja tentang penglibatan dan peranan wanita dalam Rejimen Ke-10. Persoalan pokok yang hendak dikaji oleh penyelidik adalah semua perkara tentang wanita yang berkaitan dengan Rejimen Ke-10. Penyelidik juga ingin mengkaji penglibatan dan peranan yang dimainkan oleh wanita Rejimen Ke-10 secara keseluruhan. Pada masa yang sama, penyelidik juga berminat untuk meneliti sebab-sebab golongan wanita ini terlibat dengan fahaman komunis sedangkan wanita yang sememangnya terkenal dengan sifat lemah lembut. Pengkaji juga terpanggil untuk menyelami hati nurani golongan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



wanita ini sehingga sanggup berjuang mengangkat senjata bersama-sama Rejimen Ke-10 dalam hutan.

NOTA HUJUNG

-
- ^{1>} Lucian W. Pye, (1956), *Guerrilla Communist in Malaysia*. New Jersey University, hlm 17 dan lihat juga, Noresah binti Baharom, (2000), *Kamus Dewan Bahasa Edisi Tiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 862 menerangkan maksud Marxisme ialah satu teori politik dan ekonomi Karl Marx yang memperjuangkan kesamaan taraf manusia yang membawa maksud masyarakat tanpa kelas atau kasta.
- ^{2>} Sharom bin Hashim, (2001), *Tentera Darat Menentang Insurgensi Komunis*, Kuala Lumpur: Markas Tentera Darat, hlm 48. Lihat juga Qasim Ahmad,(2003), *Eropah Modern-Arus Sosiopolitik dan Pemerintahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 70.
- ^{3>} Sanjay Dhiman, (2007), *Leaders*, Brijbasi Art Press Limited, hlm 23 menyatakan bahawa *Lenin to develop theories which could appeal to Asian revolutionaries and serve as meaningful guides for their dreams of erecting a new society*.
- ^{4>} *Ibid*, hlm 10 telah menulis tentang Karl Marx yang lahir pada tahun 1818 dan meninggal dalam tahun 1883. Karl Marx mengutarakan tentang teori persamaan taraf berdasarkan pembahagian sama rata dalam bidang ekonomi.
- ^{5>} *Ibid*, hlm 10 menyatakan nama sebenar Lenin ialah Vladimir Ilyich Ulyanov telah dilahir pada tahun 1870 dan meninggal dunia pada tahun 1924. *He believed that the working class and the peasants led to a more democratic equal society, and finally helped establish a communist state, where people shared everything, and no one was exploited*.
- ^{6>} Alimin ialah seorang pemimpin komunis dari Indonesia yang telah singgah di Singapura pada awal tahun 1924 dan berjaya merekrut beberapa orang penduduk Singapura yang dipetik dalam Khoo Khay Kim, (1988), *Gerakan Komunis di Tanah Melayu sehingga tertubuhnya Parti Komunis Malaya*, Jabatan Arkib Negara Malaysia, hlm 17.
- ^{7>} Mohd Reduan Haji Asli, (1993), *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 6.
- ^{8>} Khoo Khay Kim, hlm 8 menyatakan bahawa Tan Malaka bahawa beliau seorang Ketua Wakil Comintern bagi Asia Tenggara.
- ^{9>} *Ibid*,hlm 7 dan lihat juga Ho Hui Ling, (2004), *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 5
- ^{10>} Edgar O'balance, (1966), *Malaya : The Communist Insurgent War 1948-1960*, London: Faber & Faber, hlm 23
- ^{11>} Mohd Salleh Lamry, (2006), *Gerakan Kiri Melayu Dalam Perjuangan Kemerdekaan*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia,hlm 16 menyatakn Lai Teck seorang Setiausaha Kehormat kedua PKM, menggantikan Joseph Ducroix Setiausaha Agong pertama yang telah ditangkap di Singapura pada 1931. Beliau didapati mengkhianati PKM kerana pecah amanah dan belot. Kesannya, Lai Teck digulingkan dalam PKM. Lai Teck telah menghilangkan diri dengan wang parti ,tidak lama kemudian Parti Komunis Malaya telah mendedahkan bahawa Lai Teck adalah seorang ejen Jepun dan juga egen British dan Ho Hui Ling, hlm 14 dan Hari ini Dalam sejarah mencatatkan bahawa Loi Taka Tau pun Lai Teck telah menghilangkan diri bersama-sama wang parti pada Mac 1947 dan telah dituduh menjadi penyebab kepada kelemahan PKM. Untuk mengelakkan diri daripada menghadapi tindakan disiplin, Pada 6 Mac 1947 satu jawatan kuasa telah terbentuk bagi membincangkan hal tersebut, Lai Teck telah menghilangkan diri. Siasatan yang dibuat oleh PKM, PKM dapati beliau seorang *triple agent*. Dan lihat juga memo Chin Peng menunjukkan semua bahawa hubungannya dengan Lai Teck agak baik sebelum PKM mengesyaki Lai Teck belot kerana dalam surat tersebut terdapat arahan yang harus diberikan kepada semua kader komunis.
- ^{12>} Brain Stewart, (2004), *The Rise and Fall of The Malayan Communist Party :1930 to 1989*, Kuala Lumpur: Pelanduk, hlm 344
- ^{13>} *Ibid*,hlm 345
- ^{14>} Abdul Jalil bin Tarmiji, (1992), *Masyarakat Tanah Melayu Puncak Pertentangan Melayu-Cina pada masa Pemerintahan Bintang Tiga*, Latihan Ilmiah,Jakarta: Universiti Indonesia, hlm 5.





- ¹⁵> Sharom bin Hasyim,hlm 9
- ¹⁶> Mohd Reduan Haji Asli, hlm 24
- ¹⁷> *Ibid*,hlm 24. dan lihat juga Salleh Lamry, (2008), *Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan*, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 67 dan *The Straits Times (Singapore)*, 17 June 1948, yang dipetik dalam Ishak Saat ,(2009), *Malaysia 1945-2000*, Kuala Lumpur, hlm 1dan lihat juga Sharom bin Hasyim, hlm4
15. Sir Edwert Gent ialah Seorang Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu dan beliau mengisytiharkan darurat pada 19 Jun 1948 sebenarnya beliau dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu pada bulan September 1948 dan Sir Henry Gurney ditembak mati oleh komunis dalam satu serang hendap di [Bukit Fraser](#) pada bulan Oktober 1951.
- ¹⁹> Malaysia, (1948), *The Emergency Regulations Ordinance*, hlm 2
- ²⁰> James P. Ongkili, (1988), *Darurat dan British 1948-1960*; Jabatan Arkib Negara Malaysia, hlm 3.
- ²¹> Manuskrip/1957/000194-Food Control, hlm 1 hingga 3
- ²²> Perang Saraf bertujuan menyerang moral kader komunis melalui melemahkan keyakinan kader komunis dan mencetuskan gangguan emosi kepada kader komunis dalam hutan. Bagi penduduk Tanah Melayu pula ia bertujuan untuk memenangi hati semua kaum supaya tidak membantu PKM.
- ²³> Abdullah C.D, (1998), *Perang Anti-British dan Perdamaian*, Hong Kong, hlm 10 menyatakan Abdullah C.D ataupun Cit Dat bin Anjang Abdullah dilahirkan pada 2 Oktober 1923 di Lambor,Perak. Bapanya bernama Anjang Abdullah dan ibunya pula bernama Halimah. Beliau adalah seorang pemimpin Rejimen Ke-10 dan berkahwin dengan Suriani Abdullah pada tahun 1955.
- ²⁴> A. Samad Saad, (2004), *Memoir Ahmad Boestaman-Merdeka dengan Darah dalam Api*, Kuala Lumpur:Universiti kebangsaan Malaysia, hlm 30, menerangkan bahawa Musa Ahmad dan Abdullah CD telah berjaya mempengaruhi anggota-anggota PKMM dan API di Pahang untuk bersekutu dengan mengangkat senjata dan menubuahkan Rejimen Ke-10
- ²⁵> Wan Hamzah Awang, (1994), *Baling Membuka Jalan Damai*, Utusan Publications, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 171 dan lihat juga Zainal Abidin bin Abd Wahid, (1992), *Perang Dunia Kedua peranan Gerila Melayu Force 136*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 66
- ²⁶> Mohd Salleh Lamry, (2006), *Gerakan dan Tokoh Kiri -Kamarulzaman The Dalam Kancah Perjuangan Kemerdekaan*, Petaling Jaya, hlm 216, Chin Peng dilahirkan pada 21 Oktober 1924 ialah nama samaran Ong Boon Hwa, ketua Parti Komunis Malaya. Beliau bukannya berasal dari China sebagaimana sangkaan ramai. Chin Peng dilahirkan di sebuah kedai kecil dua tingkat menjual basikal, di No. 36, Jalan Kampung Koh, Sitiawan yang terletaknya 50 kilometer dari barat daya bandar Ipoh, Perak. Beliau merupakan anak kedua daripada enam beradik yang hidup dalam kemiskinan. Ayahnya datang dari negara China dan kecewa akibat kemelesetan ekonomi 1930. Tahun 1940 dia diterima menyertai Parti Komunis Malaya iaitu satu cabang Parti Komunis China di seberang laut. Dia turut menyertai Force 136, satu pasukan bersenjata yang ditubuhkan oleh perisik British bagi menentang Jepun di Tanah Melayu. Ketika itu umurnya 18 tahun. Chin Peng memimpin MPAJA atau *Malayan People Anti Japanese Army*, sebuah pasukan gerila bagi menentang Jepun. Tentera British (*Pasukan Special Air Services* dan MI6) yang diturunkan di hutan Perak, memberi pelbagai senjata, kewangan, latihan dan pelbagai peralatan lain bagi memperlengkapkan Force 136 dan MPAJA. Tahun 1940, dia diterima menyertai Parti Komunis Malaya iaitu satu cabang Parti Komunis China di seberang laut. Ketika itu umurnya 18 tahun. Chin Peng memimpin MPAJA atau *Malayan People Anti Japanese Army*, sebuah pasukan gerila bagi menentang Jepun. Tentera British (*Pasukan Special Air Services* dan MI6) yang diturunkan di hutan Perak, memberi pelbagai senjata, kewangan, latihan dan pelbagai peralatan lain bagi memperlengkapkan Force 136 dan MPAJA. Ketika umurnya 23 tahun, Chin Peng dilantik sebagai Setiausaha Agung , Parti Komunis Malaya menggantikan Lai Tek yang dibunuuhnya di Thailand. Lai Tek adalah perisik tiga mata yang belot dan melarikan wang Parti Komunis Malaya. Lihat juga Mahmud Embung,(2009), *Perkembangan Rejimen Ke-10 Melayu parti Komunis Malaya dari 1949 hingga 1989,Tesis*, Kuala Lumpur.: Universiti Malaya, mencatatkan bahawa Chen Peng telah dilahirkan pada 21.10.1924 dan mempunyai banyak nama samaran seperti Chen Kit, Chu Yaw, Hak, Lo Chan dan lain-lain. Dia juga turut menggunakan nama samaran Melayu iaitu Majid.
- ²⁷> Zainal Abidin bin Abdul Wahid, hlm 66
- ²⁸> Rashid Maidin adalah seorang pemimpin Rejimen Ke-10 yang berasal dari negeri Perak.





²⁹> Zainuddin Maidin, (2004), *Wira Tak Di dendang*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, hlm 101 menyatakan Chen Tien adalah seorang orang kepercayaan Chin Peng. Oleh itu beliau diberi tugas-tugas penting seperti mewakili PKM dalam beberapa sesi runding.

³⁰> Wan Hamzah Awang , hlm 176

³¹> *Ibid*, hlm 55 menyatakan Perjanjian Baling iaitu perjumpaan antara kerajaan Persekutuan dengan PKM termasuk wakil Rejimen Ke-10.

³²> *Ibid*, hlm 55

³³> Zainuddin Maidin, hlm 101

³⁴> *Ibid*, hlm 101 menerangkan peranan Zainon sebagai wakil PKM peringkat tertinggi dan Zainon memainkan peranan penting yang mewakili Chen Peng dalam rundingan tersebut.

³⁵> Ishak Saat, (2007), *Ilmu Sejarah antara Tradisi dan Moden*, Karisma Production Sdn Bhd, Shah Alam, hlm 37

³⁶> Ibrahim Chik telah kembali ke rahmatullah pada 26 Disember 2011, 16 hari selepas penulis membuat temu ramah dengan beliau pada 16 Disember 2011 di Jaya Setia, Temerloh, Pahang.

³⁷> Temu ramah dengan Zamiah pada 17 Disember 2011 di Pangsapuri Mewah , Setapak, Kuala Lumpur menyatakan nama sebenarnya Siti Zamiah binti Abdul Latif isteri Ibrahim Chik yang dinikahinya pada tahun 1955. Mereka dikurniakan dengan dua orang anak perempuan iaitu Mazni dan Zamni.

³⁸> Temu ramah dengan Ibrahim Chik pada 16 Disember 2011 di Jaya Setia, Temerloh, Pahang. Beliau menyatakan bahawa Rahmah binti Kadir Ahmad adalah isteri pertamanya. Mereka berpisah kerana Rahmah ditangkap oleh pihak British. Mereka telah dikurniakan dengan seorang anak lelaki yang bernama Jehri. Rahmah menetap bersama Jefri di Perlis. Dan penyataan ini turut disahkan oleh Temu ramah dengan Jefri Ibrahim pada 11 Disember 2011 di Perlis.

³⁹> Temu bual dengan Zamni pada 16 Disember 2011 di Jaya Setia, Temerloh, Pahang. Beliau menyatakan bahawa ,dia adalah anak pertama Ibrahim Chik dengan Zamiah sejak bayi lagi ketika berusia 10 hari, dia telah diserahkan oleh orang tuanya kepada Mat Ali sebagai anak angkat dan lihat juga Ibrahim Chik, hlm 143.

⁴⁰> Temu bual dengan Zamiah pada 17 Disember 2011 di Pangsapuri Mewah , Setapak, Kuala Lumpur menyatakan bahawa Mazni di lahir tahun 1968 di Kem Penyusun Kampung , Ketika berumur sebulan Mazni diserahkan kepada keluarga angkat iaitu Zabidah untuk dipelihara. Pada tahun 1975 Mazni diambil semula oleh kedua orang tuanya dan lihat juga Ibrahim Chik, hlm 149-153.

⁴¹> Ishak Saat, hlm 30

⁴²> *Ibid*,hlm 41

⁴³> Mahmud Embung, (2009), *Perkembangan Rejimen Ke-10 Melayu Parti Komunis Malaya Dari 1049 hingga 1989*, Tesis Falkuti Sejarah dan Sains Sosial, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hlm xiv

⁴⁴> Khairul Abdul Rahim,(2009) bil 269, *Akhbar Era Baru*, hlm 14 : Shamsiah Fakeh dilahirkan di Kampung Gemuluh, Kuala Pilah pada 1924. Anak kedua dari lapan saudara. Bapanya Sutan bin Sulaiman seorang peniaga ataupun lebih dikenali sebagai Fakeh kerana dihormati atas ilmu agamanya. Ibunya bernama Sa Asma bt Nonggok seorang suri rumah tangga. Ibu bapa Shamsiah merantau dari Padang Sumatra dan berhijrah ke Tanah Melayu serta menetap di Kuala Pilah, Negeri Sembilan.


⁴⁵> Suriani Abdullah, (2006), *Memoir Suriani Abdullah-Setengah Abab Dalam Perjuangan*, Petaling Jaya: SIRD, hlm 15 menyatakan nama sebenarnya Eng Meng Chin dan beliau telah memeluk Islam kerana berkahwin dengan Abdullah CD pada tahun 1955.

⁴⁶> Muhammad Salleh Lamry, (2011), *Siti Norkiah Srikandi dari Pahang Utara*, Petaling Jaya: SIRD.

⁴⁷> *Ibid*,hlm 8 menyatakan Muhammad Salleh Lamry telah menulis bahawa Siti Norkiah Baginda adalah seorang anggota AWAS merangkap ketua AWAS Benta yang telah menyertai PKM pada tahun 1947 dan menyertai cawangan Rejimen Ke-10 sejak dari penubuhannya. Beliau adalah isteri kepada Abu Samah

⁴⁸> Edgar O'balance, (1966), *Malaya: The Communist Insurgent War 1948-1960*, London: Faber & Faber.

⁴⁹> Mohd Reduan Hj Asli, (1993), *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.





⁵⁰> James Wong Wing On, (2005), *From Pacific War to Merdeka*, Kuala Lumpur, hlm 71-
Salamah wife of Communist Party of Malaya (CPM) top leader Rashid Maidin, She was born in Perlis and in 1959, she married Rashid Maidin. She also learnt first-aid as well as Chinese acupuncture and provided paramedical services to those in her armed unit and civilian supporters'. She passed away on March 25,2005.

⁵¹> Ibid,hlm 72 dan 73

⁵²> Chin Peng, (2003s), *Chin Peng-My Side of history as Ian Ward & Normah Miraflor*, Singapore: Media Masters.

⁵³> Mohammad Salleh Lamry, hlm 15 menjelaskan Musa Ahmad adalah salah seorang pengasas pasukan gerila Melayu yang dinamakan Lasykar Rakyat di Temerloh Pahang. Ia dibentuk sebelum penubuhan Rejimen Ke-10 pada tahun 1949.

⁵⁴> Chin Peng, hlm 210.

⁵⁵> Mahmud Embung, (2009), *Perkembangan Rejimen Ke-10 Melayu Parti Komunis Malaya Dari 1049 hingga 1989*, Tesis Fakulti Sejarah dan Sains Sosial, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

⁵⁶> Roziyati Komar, (2008), *Wanita Dalam PKM : Berdasarkan Tiga Tokoh Wanita terpilih (Shamsiah Fakeh, Suriani Abdullah dan Lee Meng)*, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya.

⁵⁷> Mahani Musa, (2010), *Gerila wanita Dalam Perjuangan Parti Komunis Malaya:1945 1947*, Seminar Kebangsaan Sejarah Malaysia

⁵⁸> Ibid, hlm 1.

⁵⁹> Tuwaedaniya Meringgi, (2008), Kerjasama Sempadan Malaysia- Thailand (1949-1989): Dalam Menandatangani Masalah Komunis, Latihan Ilmiah,Universiti Kebangsaan Malaysia.

⁶⁰> Zainuddin Maidin, (2004), *Wira Tak Di dendang*, Kuala Lumpur:Utusan Publication & Distributors.

⁶¹> Abdullah C.D, (2004), *Darurat dan Kemerdekaan 1948-1998 memperingati 50 Tahun Darurat*, Petaling Jaya, hlm 17.

⁶²> Lenore Manderson, (1976), *The Development of The Pergerakan Kaum Ibu UMNO, 1945-1972*, Tesis, Australian National University.

⁶³> Khoo Khay Kim, (1988), *Gerakan Komunis di Tanah Melayu sehingga tertubuhnya Parti Komunis Malaya*, Jabatan Arkib Negara Malaysia.

⁶⁴> Ibid, hlm 25

⁶⁵> Noreshah Baharum, hlm 80

